

08/07/1998

Kerajaan pastikan ekonomi pulih: PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan melakukan semua yang termampu untuk memastikan kedudukan ekonomi negara pulih tanpa terlalu bergantung kepada bantuan negara lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, Malaysia tidak akan mencatat kestabilan nilai ringgit, selagi negara Asia yang lain terus mencatat kejatuhan dalam ekonomi masing-masing.

"Kita tidak boleh mencapai kestabilan dalam kadar pertukaran mata wang sekarang kerana walaupun kami berkelakuan seperti 'budak baik', apa sahaja yang dilakukan oleh Jepun, Korea Selatan atau Indonesia tetap memberi kesan kepada kadar pertukaran ringgit negara ini.

"Jadi apa yang patut kita katakan pada mereka ... Tolong jangan buat apa-apa kerana kami mahukan pertukaran mata wang yang stabil," katanya menjawab soalan wartawan asing selepas merasmikan sambutan ulang tahun ke-100 Pendaftar Syarikat (ROC), di sini hari ini.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan pertukaran dasar membabitkan penurunan kadar faedah di kalangan institusi kewangan, Dr Mahathir berkata ia adalah sesuatu yang perlu dilakukan bagi memulihkan ekonomi negara.

"Kami perlu melakukan sesuatu. Kami tidak boleh hanya duduk diam dan membiarkan orang lain menentukan syarat kepada kami atau mengaut faedah daripada masalah ekonomi yang kami hadapi.

"Kami perlu menyelesaikan masalah ini. Disebabkan orang lain tidak boleh menyelesaikannya, kami perlu melakukannya sendiri. Kerajaan akan mengkaji apa saja langkah yang boleh memulihkan ekonomi.

"Orang lain tidak mengalami masalah ini, kita yang menerima kesan kegawatan sekarang. Malahan orang lain sebenarnya mengaut keuntungan daripada kegawatan ekonomi kita, jadi mengapa mereka ingin membantu kita mengakhiri kegawatan ini," katanya

Ditanya mengapa kerajaan menolak keinginan kebanyakan pelabur asing untuk melabur di Malaysia, Perdana Menteri menjelaskan jika mereka datang hanya untuk melonjakkan harga (ringgit dan saham) dan kemudian melonggokkannya semula, kerajaan berpendapat ia tidak perlu.

"Tetapi kami meraikan kedatangan pelaburan asing yang ingin melabur dalam kapasiti pengeluaran, iaitu melabur untuk mengeluarkan sesuatu produk bagi dieksport.

"Mereka ini dialu-alukan, malahan Malaysia adalah antara negara pertama yang menyambut kedatangan pelabur seperti ini," katanya.

(END)